

TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK MOHD ZUKI BIN ALI
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN (TKSUK)
JABATAN PERDANA MENTERI

BERSEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN BULAN JANUARI 2018



Tarikh : 24 JANUARI 2018 (RABU)
Masa : 8.30 PAGI
Tempat : AUDITORIUM JPM,
BLOK B1, KOMPLEKS JPM
Tema : “SETIAP ANAK PERMATA NEGARA”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Negaraku.

Terima kasih kepada saudara-saudari Pengacara Majlis.

Yang Berusaha Encik Zakaria bin Shaaban

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan

Yang Berbahagia Datuk Saidatu Akhma binti Hassan

Setiausaha Bahagian PERMATA, selaku penganjur majlis pada kali ini

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Noriah Mohd Ishak

Pengarah Pusat PERMATA Negara selaku penceramah jemputan kita pada hari ini.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Setiausaha-Setiausaha Bahagian,

Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin hadirat yang dikasihi
sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah bersyukur kita kepada Yang Maha Esa kerana berkat limpah rahmatNya dapat kita bersua sekali lagi dalam Perhimpunan Bulanan JPM yang pertama bagi tahun ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan Selamat Tahun Baharu 2018 buat semua warga JPM. Daripada

riak wajah pada harini, saya dapat merasakan aura positif warga JPM untuk terus bekerja memberikan khidmat yang terbaik. Tahniah, semoga semangat (*spirit*) ini dapat terus dikekalkan hingga hujung tahun kelak.

2. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para penerima Anugerah Penjawat Cemerlang Bagi Bulan Disember 2017. Semoga pengiktirafan ini dapat menjadi motivasi kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk terus komited melaksanakan tugas harian serta dapat menyuntik semangat kepada semua warga kerja JPM.
3. Buat warga baharu JPM, baik lantikan baharu dalam perkhidmatan mahupun yang bertukar daripada Kementerian atau Jabatan lain, selamat datang saya ucapkan. Diharapkan tuan-tuan dan puan-puan dapat mencurahkan khidmat bakti cemerlang tuan/puan dengan penuh iltizam dan dedikasi dalam satu persekitaran dan budaya kerja yang baharu. Sesuai dengan permulaan tahun baharu, budaya dan disiplin kerja di pejabat terdahulu yang boleh memberi nilai tambah kepada JPM adalah dialukan.
4. Tidak dilupakan jua kepada warga kerja JPM yang telah bertukar mahupun yang telah bersara, saya ingin mengucapkan terima kasih dan selamat maju jaya. Tahniah kepada yang telah bertukar atas sebab kenaikan pangkat dan semoga dapat menimba pengalaman di tempat baru. Seterusnya kepada yang telah bersara, didoakan supaya sentiasa diberkati dan dilimpahi oleh-Nya dalam apa jua bidang yang bakal diceburi. Segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan tuan-tuan dan puan-puan amatlah dihargai jua.
5. Selain itu, pada tahun 2018 ini, terdapat beberapa perubahan seperti yang diumumkan sebentar tadi yang melibatkan beberapa Bahagian, beberapa perubahan dari segi portfolio yang antaranya adalah dari Bahagian Khidmat

Pengurusan dan Bahagian Kewangan dan JPM juga menerima beberapa Agensi baharu di JPM ini.

6. Namun begitu, jangan pula sesekali kita lupa, bahawa dalam segala kejayaan mahupun musibah, dalam segala kebaikan mahupun kekhilafan, sentiasa ada kasih sayang Allah yang sentiasa mengatasi kemurkaan-Nya. Maka, marilah kita bersyukur kerana dengan ehsan dan redhaNya jua, kita telah menyambut tahun baru malah memulakan rencana tahun 2018 dalam keadaan yang sejahtera. Dan pada tahun ini, saya ingin mengajak dan menyeru warga JPM untuk bersama-sama menterjemahkan setiap dasar-dasar Kerajaan dengan jayanya.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

PENCAPAIAN MALAYSIA SERTA KEYAKINAN PELABUR TERHADAP EKONOMI NEGARA

7. Untuk makluman hadirin sekalian, pencapaian ekonomi negara pada tahun 2017 sangat memberansangkan di mana pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar suku tahun ketiga 2017 telah meningkat kepada 6.2% berbanding 4.3 peratus pada suku tahun ketiga tahun sebelumnya. Negara kita juga telah menduduki tangga ke-23 dalam kalangan 189 buah negara dalam laporan *Ease of Doing Business (EODB) Report 2017* dan berjaya menjadi *Asia's top emerging economy* dalam *Global Competitiveness Report (GCR) 2017-2018*.
8. Tahun 2017 juga telah menyaksikan ringgit kembali mengukuh secara perlahan-lahan di mana Ringgit telah mencecah paras tertinggi pada kadar

RM3.9980 berbanding dolar Amerika Syarikat, melepasi tahap psikologi 4.0 apabila ditutup sekaligus menjadikannya pada kedudukan terbaik sejak Ogos 2016 serta muncul mata wang terbaik di rantau ini pada November 2017. Peningkatan nilai mata wang ini mencerminkan asas ekonomi kita yang kukuh dan berdaya tahan.

9. Bahkan Bank Dunia melaporkan bahawa “Ekonomi Malaysia berkembang dari kedudukan kukuh” dan dijangkakan pertumbuhan sihat bagi tahun 2018 dan lebih banyak pengurangan defisit.

SOROTAN PENCAPAIAN NEGARA

10. Selanjutnya, negara kita juga telah mencatatkan pencapaian-pencapaian lain yang signifikan dan memberi impak besar kepada rakyatnya. Antaranya adalah pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) pertama di Malaysia yang memberi manfaat kepada lebih 2,000 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), pelaburan hiliran terbesar Saudi Aramco di luar Arab Saudi dengan nilai AS\$7 bilion di Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Johor dan laluan MRT pertama negara Sungai Buloh – Kajang yang telah mencipta 130,000 pekerjaan baharu.
11. Begitu jugalah dengan Projek Infra-Rakyat seperti East Coast Rail Link di Pantai Timur, dan High Speed Rail yang merentasi Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Putrajaya/Kuala Lumpur/Selangor yang bakal dibina. Di Sabah dan Sarawak pula, projek Lebuh raya Pan Borneo sedang rancak dijayakan.
12. Sesungguhnya, pencapaian-pencapaian ini tidak akan berjaya dicapai dan dikekalkan tanpa semua warga penjawat awam termasuk warga JPM malah ia menuntut kita untuk bekerja lebih keras dan gigih bersama barisan kepimpinan negara.

BAJET 2018 : INSENTIF TINGKAT PERKHIDMATAN

13. Penjawat awam telah mula menerima manfaat Bajet 2018 mulai Januari 2018. 12 Inisiatif dan insentif telah diumumkan. Antaranya adalah penambahan waktu kerja berperingkat, pemberian cuti tanpa rekod untuk menunaikan umrah, bantuan khas kewangan yang telah diterima pada 8 Januari yang lalu dan kenaikan pangkat untuk golongan pelaksana.

Hadirin-hadirat sekalian,

TAHUN 2018: TAHUN KEJAYAAN DAN KEBERHASILAN (*YEAR OF SUCCESS AND IMPRESSIVE RESULT*)

14. Pada tahun 2017 yang lalu adalah Tahun Penyampaian (*Year of Delivery*) dan tahun ini sebagaimana dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri adalah sebagai Tahun Kejayaan dan Keberhasilan (*Year of Success and Impressive Result*). Sehubungan itu, marilah kita bersama-sama membuktikan apa yang telah kita laksanakan itu dapat disampaikan dan dibuktikan kepada rakyat dan negara.

KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) 2018

15. Apa yang lebih besar lagi, apabila pelaksanaan Bajet 2018 ini juga telah dijadikan sebagai salah satu *Key Performance Indicator (KPI)* baharu bagi semua Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan, disamping dua (2) lagi KPI baharu.

16. **Pertama, peningkatan daya saing Negara** menerusi kerjasama dengan *Civil Service Delivery Unit*, Jabatan Perdana Menteri (CSDU, JPM). CSDU, JPM telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan data dan perangkaan yang disediakan oleh pelbagai kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan selain berperanan sebagai pusat sehati bagi perolehan data dan perangkaan kepada mana-mana agensi atau organisasi antarabangsa yang memerlukan sebarang data atau perangkaan yang berkaitan.
17. Mana-mana organisasi atau agensi penilaian antarabangsa akan merujuk kepada CSDU, JPM terlebih dahulu sebelum menggunakan sebarang maklumat atau perangkaan bagi mengukur atau menilai prestasi Negara bagi memastikan keseragaman dan ketepatan data dan perangkaan yang berkaitan. Kita sebagai agensi pula, perlu memastikan hanya maklumat dan perangkaan yang terkini dan lengkap sahaja dikemukakan kepada *Competitiveness Working Committee Group (CWG)* yang ditubuhkan untuk menguruskan penyaluran maklumat dan perangkaan nasional yang tepat kepada badan-badan antarabangsa.
18. **Kedua, Prinsip Wala'** di mana pengukuran berdasarkan kepada sesi *engagement* yang dilakukan dengan *key stakeholders* organisasi masing-masing. Kita akui kebanyakan sesi *engagement* dengan *stakeholders* di kementerian dan agensi Kerajaan diterajui oleh YB Menteri-YB Menteri. Oleh itu, adalah wajar di peringkat kita untuk juga mengambil inisiatif mengadakan sesi *engagement* dengan *key stakeholders* dan kumpulan sasaran sehingga ke peringkat akar umbi. Sesi tersebut boleh dilaksanakan secara ringkas tanpa melibatkan kos yang tinggi.
19. Kita meletakkan KPI yang tinggi dengan harapan usaha yang digembleng bersama itu setimpal, malah lebih lagi untuk menuai pencapaian yang lebih bermakna.

Hadirin-hadirat sekalian,

5 PRINSIP PENTADBIRAN KERAJAAN DI BAWAH PIMPINAN NAJIB RAZAK

20. Dalam usaha kita menterjemahkan segala apa yang disasar dan dihasratkan, suka untuk saya mengambil peluang ini untuk mengingatkan kembali akan 5 Prinsip Pentadbiran Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato Sri Mohd Najib Abdul Razak dan kabinet sejak tahun 2009 iaitu ekonomi, global, berwawasan, rakyat di hati dan penyampaian atau "*Delivery*".

Prinsip Pertama : Ekonomi

21. YAB PM telah memberi banyak fokus ke arah memastikan ekonomi kita terus kukuh dan berdaya saing. Antara langkah pertama yang beliau laksanakan adalah memacu transformasi dan pertumbuhan ekonomi negara.

Prinsip Kedua : Global

22. Menerusi dasar dan pendekatan yang kita laksanakan, kita berterusan mempunyai pengaruh yang kuat di persada antarabangsa.

Prinsip Ketiga : Berwawasan

23. Pemimpin-pemimpin negara sentiasa perlu memikirkan dan melaksanakan yang terbaik bukan sahaja mengetuai negara, tetapi lebih daripada itu, untuk generasi dan waris negara di masa hadapan. Lantas, YAB PM memperkenalkan Transformasi Nasional 2050 untuk kita merencana bukan sahaja apa yang perlu dilakukan, tetapi juga bagi mendengar aspirasi dan harapan rakyat mengenai masa depan Malaysia.

Prinsip Keempat : Rakyat di Hati

24. Segala apa yang kita lakukan, YAB PM sering menekankan bahawa ia perlulah mengambil kira kepentingan rakyat. Rakyat perlu sentiasa didahulukan. Program Transformasi Kerajaan diperkenalkan berdasarkan kepada hasrat dan keinginan rakyat.

Prinsip Kelima : Penyampaian atau “*Delivery*”

25. Segala apa yang kita rancangkan juga perlulah disertai dengan “Delivery” atau penyampaiannya. Alhamdulillah, di bawah Kerajaan yang memerintah sekarang, Kerajaan telah berjaya “Deliver” kepada rakyat hampir kesemua yang dijanjikan, baik dari segi perumahan, projek-projek berimpak tinggi yang berteraskan kepentingan rakyat, penyampaian kepada rakyat melalui perkhidmatan awam, kesihatan, pendidikan dan banyak lagi.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

26. Bagi mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat bagi menjayakan program perhimpunan pagi ini dan juga kepada semua warga JPM yang telah sudi hadir ke perhimpunan pagi ini.
27. Saya menyeru semua warga kerja JPM memberikan yang terbaik seterusnya membuktikan kita yang terbaik di antara Kementerian yang lain. Semoga segala apa yang dirancang bagi tahun 2018 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi JPM akan terus unggul dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik.

28. Tahniah Bahagian PERMATA di atas penganjuran majlis perhimpunan pada bulan ini. Terima kasih juga di atas sesi perkongsian ilmu dari penceramah jemputan kita iaitu Yang Berbahagia Prof' Dato' Dr. Noriah Binti Mohd Ishak yang merupakan Ketua Program PERMATA Pintar yang akan disampaikan sebentar lagi. Diharap sesi ini membolehkan kita lebih mengenali dengan lebih jelas dalam perkongsian beliau yang bertajuk "Memupuk Potensi Anak-Anak".

Wabillahitaufikwalhidayah, wassalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.